

18 APR 2003

Peladang-USahawan

SEBANYAK 5,000 USAHAWAN PELADANG AKAN WUJUD MENJELANG 2005

KANGAR, 18 April (Bernama) -- Sebanyak 5,000 usahawan peladang akan diwujudkan di seluruh negara melalui lima sektor utama menjelang 2005, kata Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Nozir Ahmad Hussain hari ini.

Katanya lima sektor itu ialah industri padi, penanaman sayuran, kegiatan ternakan, buah-buahan dan pemprosesan.

Bercakap kepada para pemberita di sini pada akhir lawatan kerja selama dua hari ke Perlis, beliau berkata sehingga kini 3,000 usahawan peladang telah dilahirkan sejak Rancangan Malaysia Ketujuh.

Nozir Ahmad yakin langkah melahirkan usahawan peladang akan menjadi lebih mudah berikutan perubahan struktur organisasi di peringkat pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan (PPK) di seluruh negara.

Melalui perubahan struktur itu, taraf pengurus besar yang sebelum ini disandang oleh kakitangan kumpulan sokongan utama yang merupakan pemegang diploma ditingkatkan kepada kakitangan pengurusan dan profesional atau mereka yang mempunyai ijazah.

Nozir Ahmad berkata pada masa ini, 48 pengurus besar PPK di seluruh negara adalah daripada kumpulan pengurusan dan profesional dan mereka kini telah mewujudkan projek-projek contoh dalam lima sektor peladangan.

Sebanyak 52 lagi kakitangan kumpulan itu akan dilantik sebagai pengurus besar dan setiap seorang akan melaksanakan projek-projek utama yang kemudiannya akan dijadikan contoh oleh peladang seluruh negara.

Mengenai peranan LPP dalam menjayakan Tahun Melawat Perlis 2003-2005, beliau berkata tiga acara peringkat kebangsaan yang membabitkan masyarakat tani dirancang untuk dilaksanakan di Perlis tahun ini.

Katanya pada September ini, Perlis akan menjadi tuan rumah Hari Penternak, Peladang dan Nelayan peringkat kebangsaan yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambutan itu akan berlangsung selama seminggu di Stadium Utama di sini dengan penyertaan antara 5,000 dan 10,000 peladang dari seluruh negara.

LPP juga memilih Perlis sebagai tuan rumah perhimpunan kakitangan LPP seluruh negara yang akan berlangsung di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau pada Mei ini selain Malam Anugerah Khidmat Cemerlang LPP juga pada bulan depan.

-- BERNAMA

AD ROS